

أنق كونچي شرکا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allah mengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQA’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 7 (ms 9-10)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau,Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : aburumaysa_66@yahoo.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِهِ مِنْ شُرُورِ النَّفَّاثَاتِ
أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلَلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَآشْهُدُ أَنَّ لِلَّهِ إِلَّا
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَآشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نُفُسٍّ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهُمْ جَاهَارًا
كَثِيرًا وَأَنْسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ الْأَرْحَامَ ، إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisa'a:1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قُوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ،
وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَحْسَنَ الْهَدِيَّ هَذِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُخْدِثُهَا ، وَكُلُّ مُخْدِثٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي
¹ النَّارِ .

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'ala'ihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'ala'ihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'ala'ihi wa sallam* *sallallahu'ala'ihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118),an-Nasaai(III/104-105),at-Tirmidzi(nO. 1105),Ibnu Majah (no.1892),,al-Hakim(II/182-83),,ath-Thayalisi (no.336),Abu Ya'la(no.5211),ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata;”Khutbah ini adalah sunnah,dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah,fiqh,menasihati orang dan semacamnya...Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahuanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah,sebahagian kepada sebahagian yang lainnya...”(*Majmuu' Fataawa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku “Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah” oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 9-10

“AQA’ID AL-IMAN”

ALLAH TA’ALA HIDUP SELAMA-LAMA, TIADA MATI IA

Dan bahawa Allah Ta’ala hidup selama-lama, tiada mati ia, kerana firman-Nya:

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ

Ertinya : “Berserah olehmu atas Tuhan yang Hidup yang tiada mati.”
(Surah al Furqon 25 :Ayat 58)

Dan bahawa Allah Ta’ala mengetahui akan tiap-tiap sesuatu,tiada ada sesuatu yang tersembunyi daripada-Nya, kerana firman-Nya :

وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Ertinya: “Dan Allah Ta’ala sangat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”
(Surah al Baqarah:Ayat 29)

Dan firman-Nya;

وَمَا يَعْزِبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ

Ertinya : “Dan tiada lenyap daripada Tuhan engkau seberat semut yang kecil pada bumi dan tiada pada langit” (Surah Yunus 10 :Ayat 61)

Syarah :

Dalam perbahasan kali ini,, asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* membawakan contoh-contoh di antara sekian banyak Sifat-sifat Allah Ta’ala yang Maha Agung lagi Maha Sempurna² yang tak terhingga jumlah-Nya, yang wajib kita ketahui,fahami dan menyakininya dengan sepenuh keimanan iaitu Allah Ta’ala , Dia sesungguhnya;

- a) **Maha Hidup Selama-lamanya** dan tidak akan sekali-kali akan mati
- b) **Maha Mengetahui akan segala sesuatu**,tiada suatu pun yang tersembunyi daripada-Nya

² *Ahli Sunnah wal Jamaah* yang berpegang teguh dengan pemahaman Salaf memiliki beberapa kaedah yang sangat kokoh dalam berinteraksi dan memahami segala Sifat-sifat Allah Ta’ala sesuai dengan dalil dari al Quran dan as Sunnah dan bebas dari perbahasan Ilmu Kalam iaitu:

- a. Seluruh Sifat-sifat Allah Ta’ala Adalah *Ulya* (Maha Tinggi), Maha Sempurna, Maha Terpuji dan Tidak Mengandungi Kekurangan Sedikit pun.
- b. Sifat-sifat Allah Ta’ala Terbahagi Kepada Dua Kategori;
 - i. *Tsubutiyah*(sifat yang ditetapkan bagi-Nya)
 - ii. *Salbiyah* (sifat yang dinafikan daripada-Nya)
- c. Sifat-sifat *Tsubutiyah*(yang ditetapkan bagi Allah Ta’ala) terbahagi kepada dua iaitu;
 - i. Sifat *Dzatiyyah*
 - ii. Sifat *Fi’liyah*(sifat-sifat yang berkaitan dengan Kehendak /Perbuatan Allah Ta’ala)
- d. Tiga perkara yang mungkin dipersoalkan kepada setiap sifat dari sifat-sifat Allah Ta’ala iaitu;
 - i. Apakah sifat Allah Ta’ala itu hakiki atau tidak?
 - ii. Apakah boleh menetapkan bentuk dan cara bagi sifat-sifat tersebut?
 - iii. Apakah sifat-sifat tersebut menyerupai makhluk atau tidak?

Maka jawabannya adalah;

- i. Ya, sifat Allah Ta’ala adalah hakiki, kerana makna hakiki adalah dasar dalam setiap perkataan,maka tidak boleh berpaling darinya kecuali dengan dalil yang sahih yang menghalanginya.

- ii. Tidak boleh menetapkan bentuk dan caranya,kerana Allah Ta’ala berfirman,

وَلَا تُحِيطُونَ بِهِ عِلْمًا

“Ilmu mereka tidak dapat meliuti-Nya.” (Thaha 20:110)

- iii. Tidak sesekali menyerupai sifat-sifat makhluk berdasarkan firman Allah Ta’ala;

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

“Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya...” (asy Syura 42:11)

InsyAllah kita akan membahaskan kaedah ini di tempatnya yang sesuai dan asy Syeikh *rahimahullah* telah pun menyentuhnya secara ringkas pada perbahasan akan datang iaitu pada Tauhid *Asma’ was Sifat* mukasurat 15-16 dalm kitab ini “**Anak Kunci Syurga**”

Maka berkata asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah*;-

ALLAH TA'ALA HIDUP SELAMA-LAMA, TIADA MATI IA

Dan bahawa Allah Ta'ala hidup selama-lama, tiada mati ia, kerana firman-Nya:

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ ... 

Ertinya : “Berserah olehmu atas Tuhan yang Hidup yang tiada mati.”
(Surah al Furqon 25 :Ayat 58)

Syarah :

1. Di antara sifat Allah Ta'ala yang paling agung adalah sifat **Maha Hidup** ^١ (yakni menafikan kematian bagi Allah Ta'ala) dan **Maha Berdiri Sendiri** ³ (yakni menafikan bergantung kepada makhluk).

³ Memandangkan di sini asy Syeikh *rahimahullah* cuma membawakan sifat Maha Hidup sahaja, maka saya memandang lebih baik kita turut membahas sifat Allah Ta'ala yang turut digandingkan di ayat yang lain iaitu sifat **Maha Berdiri Sendiri** kerana besarnya pengaruhnya terhadap kita apabila memahaminya dengan benar!

Sebenarnya di kitabnya yang lain iaitu “**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**” asy Syeikh membahas perkara ini pada matan ke 10 pada mukasurat 62-63, iaitu atas kalam al Imam ath Thahawi *rahimahullah* yang berbunyi “ حي لا يموت، قيوم لا ينم ” **Hidup Ia tiada mati,sangat berdiri dengan memelihara makhluk-Nya tiada tidur Ia.**”

asy Syeikh *rahimahullah* mensyarahkan matan ini dengan katanya;

“Tatkala menafikan oleh *musannif* akan menyerupai Allah Ta'ala akan hambaNya,maka menunjuki ia kepada perbezaan antara Allah Ta'ala dengan makhlukNya,iaitu segala sifat yang ketentuan dengan Allah Ta'ala, maka setengah daripadanya bahwasanya **Allah Ta'ala hidup selama-lama** tiada menerima mati,kerana hidup yang berkekalan itu ketentuan dengan tuhan. Adapun segala makhluk, maka mati mereka itu dan menerima mereka itu akan mati.

Dan setengah daripadanya bahwasanya **Allah sangat berdiri selama-lamanya** dengan memelihara makhlukNya tiada Ia tidur, kerana Ia ketentuan dengan tiada tidur dan mengantuk. Adapun makhlukNya, maka bahwasanya mereka itu tidur dan mengantuk.

Firman Allah Ta'ala:

اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Ertinya : **Bermula Allah Ta'ala tiada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia jua,yang hidup yang sangat berdiri selama-lamanya.”** (al Baqarah:255 & al Imran:2)

Dan firmanNya:

2. Kedua-dua sifat Allah Ta'ala ini boleh ditemui di tiga (3) tempat di dalam al Quran iaitu;
- Surah al Baqarah yang dikenali sebagai *Ayatul Kursi* yang merupakan sebesar-besar dan seagung-agung ayat dalam al Quran yang padanya terdapat *Ismullahhil A'zam* dan apabila dibacakan maka syaitan akan lari daripadanya!

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ..

“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Hidup, Yang terus menurus mengurus (sekalian makhlukNya), tidak mengantuk dan tidak...” (al Baqarah 2:255)

- Surah al Imran ayat 1-3

الْمِرْ ئَلَهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التَّوْرَةَ وَالإِنْجِيلَ

“Alif, Laam, Miim. Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Hidup, Yang terus menerus mengurus(makhluk-nya).....” (al Imran:1-3)

- Surah Thaha ayat 111

وَعَنَتِ الْأُوْجُوهُ لِلَّهِ الْقَيُّومِ وَقَدْ حَابَ مَنْ حَمَلَ ظُلْمًا

“dan segala muka akan tunduk dengan berupa hina kepada Allah yang Maha Hidup, lagi terus menerus mengurus(makhluk-nya), dan sesungguhnya telah rugi dan hampalah orang yang menanggung dosa kezaliman.” (Thaha : 111)

3. Kedua-dua sifat Allah Ta'ala yang Maha Agung ini menghimpun seluruh kesempurnaan sifat dan perbuatan Allah Ta'ala iaitu;

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ (وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ وَكَفَى بِهِ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا)

Ertinya : Dan berserah olehmu atas Tuhan yang hidup tiada mati,dan bertasbihlah dengan memujiNya...(al Furqon:58)

Dan sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam:

ان الله لاينام ولاينبغي له أن ينام

Ertinya: “**Bahwasanya Allah Ta'ala tiada tidur dan tiada layak bagi-Nya bahawa Ia tidur.**” (Meriwayatkan dia oleh Muslim dan Ibnu Majah-daripada Abi Musa *radiallahhu'anhu*)

- a. Kesempurnaan Sifat ada pada nama **الْحَيُّ** (*al Hayyu*)
 - b. Kesempurnaan Perbuatan ada pada nama **الْقَيُّومُ** (*al Qayyum*)
4. **Pemahaman Tentang Sifat **الْحَيُّ**** (*al Hayyu*)
- a. Yang Maha Hidup dan Tidak Akan Mati Selama-lamanya
 - b. Yang Maha Hidup yang memiliki semua makna kehidupan yang sempurna, dengan adanya Pendengaran,Penglihatan,Kemampuan,Kehendak,dan selainnya dari sifat-sifat Dzatiyah.
 - c. Semua sifat-sifat *Dzatiyyah* Allah Ta'ala seperti Mendengar, Melihat, Tangan,Wajah,Pengetahuan/Illu, dan yang lainnya kembali kepada nama ini.
 - d. Di antara buah kebaikan bagi kehidupan seorang muslim yang mentauhidkan Allah Ta'ala dengan nama-Nya **الْحَيُّ** **adalah:**

- i. Wajibnya mengesakan Allah Ta'ala dalam beribadah. Allah Ta'ala disifati dengan kehidupan yang sempurna yang tidak didahului ketiadaan dan tidak diakhiri dengan kebinasaan serta tidak dihinggapi aib dan kekurangan. Maha Suci dan Maha Mulia Rabb kami.

هُوَ الْحَيُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الْبَرِيرَاتُ^{١٦} الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Dialah Yang Hidup Kekal, tiada illah (yang berhak dibadahi) melainkan dia; maka serulah (ibadahilah) Dia dengan memurnikan ibadah kepada-Nya.Segala puji bagi Allah Rabb semesta alam.” (al Mukmin:65)

- ii. Semua ini menunjukkan bahawa manusia wajib beribadah, ruku' dan sujud hanya kepada Allah Ta'ala.
- iii. Seorang muslim akan selalu sedar bahawa di dunia ini , dirinya sedang berada di negeri ujian ⁴, dan kelak akan menghadapi pertanggungjawaban serta balasan. Dan dia menyakini bahawa kekuasaan mutlak hanya milik Allah Ta'ala, dan tidak ada yang menghidupkan makhluk selain Dia baik di awal penciptaannya, atau pun pada saat kehancuran alam semesta ini,sebab yang hidup saat itu hanya Dia semata.

⁴ HR Imam Muslim no.2956 : “Dunia adalah penjara bagi orang mukmin, dan syurga bagi orang kafir.”

- iv. Semua kita akan **mati**⁵ dan akan bertemu dengan Allah Ta'ala untuk diperhitungkan segala amal-amal yang telah dikerjakan semasa hidup di dunia. Maka hendaklah setiap diri segera membuat persiapan!

⁵ Perihal Kematian

4.1 Kematian Pasti Berlaku

Kesemua makhluk akan menemui ajalnya apabila telah sampai masa yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala sebagaimana firmanNya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْتُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْحَيْثِ فِتْنَةٌ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٢٩﴾

“Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan kematian. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan(yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.” (al Anbiyaa':35)

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيِقَةُ الْمَوْتِ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٠﴾

“Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Kemudian hanyalah kepada Kami kamu dikembalikan.”
(al Ankabut:57)

وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ ذَلِكَ مَا كُنْتَ مِنْهُ تَحْيَدُ ﴿٦﴾

“Dan datanglah sakaratul maut yang sebenar-benarnya. Itulah yang kamu selalu lari daripadanya.” (Qaf:57)

4.2 Kedahsyatan Kematian

Dari Aisyah *radiallahu'anha*, ia mengatakan,” Di hadapan Rasulullah صلی الله علیہ وسلم terdapat wadah berisikan air,lalu beliau memasukkan kedua tangannya di air lalu mengusapkan ke wajahnya sambil berkata, ‘*Lailaha illallah*. Sesungguhnya kematian itu memiliki sakarat.Kemudian,beliau menegakkan kedua tangannya sambil berucap, ‘*Ila rafiqil a'la* (bersama teman yang tinggi) hingga beliau meninggal. (HR Bukhari).

Dalam Sahih al Bukhari juga disebutkan:

Tatkala Rasulullah صلی الله علیہ وسلم merasa berat (menghadapi sakaratul maut),maka kesusahan itu membuatkan beliau pengsan sehingga Fatimah mengatakan,”Duhai susahnya ayahku!” Maka beliau mengatakan,” Tidak ada kesusahan lagi menimpa ayahmu setelah hari ini”.

- Umar radiallahu'anhu mengatakan : ”Wahai Ka'ab, ceritakan kepadaku tentang kematian.”Ia mengatakan, ”Ya,wahai Amirul Mukminin. Kematian itu seperti ranting yang banyak durinya yang dimasukkan ke dalam rongga seseorang, lalu masing-masing duri menancap pada urat, kemudian seseorang menariknya dengan keras,sehingga mengambil apa yang diambil dan membiarkan apa yang dibiarkan.”

43 Buatlah Persiapan Untuk Menghadapi Kematian

يَتَائِفُونَ الَّذِينَ ءاْمَنُوا لَا تُلْهِمُهُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَسِيرُونَ ﴿١﴾ وَأَنْفَقُوا مِنْ مَا رَزَقَنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْمَوْتُ فَيُقُولُ رَبِّ لَوْلَا أَخْرَتَنِي إِلَى أَجْلٍ قَرِيبٍ فَأَصَدَّقَ وَأُكُنْ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٢﴾ وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلَهَا وَاللَّهُ حَبِّرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٣﴾

“Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan

5. Pemahaman Tentang Sifat الْقَوْم /Al Qayyum

- a. Yang Maha Berdiri Sendiri,Terus menerus Mengurus Makhluk-nya.
- b. Semua sifat-sifat *fi'liyyah* Allah Ta'ala seperti Menciptakan, Memberi rizki,Memberi nikmat, Menghidupkan, Mematikan dan lainnya kembali kepada nama ini.
- c. Seluruh makhluk sangat berharap dan bergantung kepada Allah Ta'ala, manakala Allah Ta'ala tidak bergantung kepada apa pun!
- d. Segala sesuatu tidak akan dapat berdiri tanpa perintah dan kehendak Allah Ta'ala.

demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi.Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu 1sampai ajal maut kepadaNya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhanmu! Alangkah baiknya kalau engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya; dan Allah amat mendalam pengetahuannya mengenai segala yang kamu kerjakan." (al Munafiqun:9-11)

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah secara ringkas dengan sanad bagus dan al Baihaqi dalam *az Zuhd*,dengan lafaz;

أَن رجلاً قَالَ لِلنَّبِيِّ : أَيُّ الْمُؤْمِنِينَ أَفْضَلُ؟ قَالَ: أَحْسَنُهُمْ خَلْفَاً قَالَ: فَأَيُّ الْمُؤْمِنِينَ أَكْيَسُ؟ قَالَ: أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذَكْرًا وَأَحْسَنُهُمْ لِمَا بَعْدِهِ اسْتِعْدَادًا، أَوْ لِكَ الأَكْيَاسِ.

" Bahawa seorang laki-laki bertanya kepada Nabi ﷺ, 'Siapakah orang mukmin yang paling baik?' Beliau menjawab, 'Yang paling baik akhlaknya.' Ia bartanya, 'Siapakah orang mukmin yang paling beruntung?' Beliau menjawab, 'Yang paling banyak mengingat kematian,dan paling baik persiapannya untuk (alam) setelah kematianya. Itulah orang-orang yang beruntung.'".

Renungi Syair ini;

تَرَوَدْ بِالْتُّسْقَى فَإِنَّكَ لَا تَنْدِرِي إِذَا

جَنَّ اللَّيْلُ فَهُلْ تَعِيشُ إِلَى الْفَجْرِ

Berbekallah dengan ketaqwaan,sungguh kamu tidak tahu bila
Malam sudah gelap,apakah kamu masih dapat bertahan hidup sehingga fajar

وَكَمْ مِنْ سَلَيْمٍ مَاتَ بِغَيْرِ عِلْمٍ

وَكَمْ مِنْ سَقِيمٍ عَاشَ حِينَا مِنَ الدَّهْرِ

Dan berapa ramai orang yang sihat mati tanpa sebab
Dan berapa ramai yang sakit bertahan hidup beberapa kurun masa

وَكَمْ مِنْ فَتَىٰ يُمْسِيٰ وَيُضْبِحُ آمِنًا

وَقَدْ نُشَجِّعُ أَكْفَانَهُ وَهُوَ لَا يَدْرِي

Dan berapa ramai pemuda yang petang dan pagi hari merasa aman
Ternyata kain kafannya telah disiapkan sementara ia tidak tahu

- e. Allah Ta'ala setiap masa sentiasa sibuk mengurus urusan makhlukNya,tetapi Allah Ta'ala tidak pernah disentuh rasa mengantuk,letih dan seumpamanya seperti firman Allah Ta'ala :

 يَسْأَلُهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَانٍ

“...di setiap waktu Dia dalam kesibukan.” (ar Rahman:29)

 وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنُهُمَا فِي سَتَةِ أَيَّامٍ وَمَا مَسَّنَا مِنْ لُغُوبٍ

“..dan tidaklah Kami merasa letih sedikit pun.” (Qaf:38).

- i. Di antara buah kebaikan bagi kehidupan seorang muslim yang mentauhidkan Allah Ta'ala dengan namanya **آلَّقِيُوم** adalah:
- ii. Seorang muslim menyakini bahawa Allah Ta'ala terus menerus mengatur makhlukNya dengan adil. Dia bersendiri dalam hal *masyiah* (kehendak) dan takdir. disisi-Nya segala perbendaharaan segala sesuatu, dan dia tidak menentukannya melainkan dengan ukuran tertentu.
- iii. Ia juga menyakini bahawa Allah Ta'ala lah yang menjamin urusan serta rezeki segala sesuatu, sehingga seorang *muwahhid* akan bersandar hanya kepada Rabbnya pada segala urusan.

Kesimpulan :

Kedua-dua gandingan nama ini disunnahkan digunakan dalam permohonan doa kita kepada Allah Ta'ala;

a) Doa keampunan

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

“Aku memohon ampun kepada Allah,tiada illah yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Dia,Yang Maha hidup dan terus menerus mengurus makhlukNya,dan aku bertaubat kepada-Nya.” (HR Abu Daud no 1517 dari Zaid ibn Haritsah-Shahih)

b) Doa pagi dan petang

يَا حَيْ يَا قَيُومَ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِرُكَ أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ وَلَا تُكْلِنِي إِلَى نُفُسِي طَرْفَةِ عَيْنٍ

“Wahai Allah Yang Maha Hidup, Wahai (Allah) Yang Maha Berdiri sendiri(tidak perlukan segala sesuatu),dengan rahmatMu aku memohon pertolongan,perbaikilah segala keadaan dan urusanku, dan jangan Engkau serahkan kepadaku meski sekejap

mata sekali pun(tanpa mendapat pertolongan dari-Mu).” (HR an Nasai dalam *Amalul Yaum wal Lailah* no575-Hasan)

Wallahu'a'lam.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَمُّ الصَّالِحَاتُ

“Segala puji hanya bagi Allah yang dengan nikmat-Nya segala amal shalih menjadi sempurna”

InsyAllah bersambung seterusnya pada matan ;

Dan bahawa Allah Ta’ala mengetahui akan tiap-tiap sesuatu,tiada ada sesuatu yang tersembunyi daripada-Nya, kerana firman-Nya :

وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

Ertinya: “Dan Allah Ta’ala sangat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (Surah al Baqarah:Ayat 29)

Dan firman-Nya;

وَمَا يَعْرِبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِّثْقَالٍ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ ﴿٦١﴾

Ertinya : “Dan tiada lenyap daripada Tuhan engkau seberat semut yang kecil pada bumi dan tiada pada langit” (Surah Yunus 10 :Ayat 61)

Untuk bacaan lanjut bagi menambahkan pemahaman, sila rujuk buku-buku berikut;

- a. Dr.Mahmud ‘Abdurrazaq ar-Ridhwani,*Asmaul Husna*,Pustaka Ibnu Katsir,1432H
- b. Prof.Dr.Abdurrazaq bin Abdul Muhsin Al-Abbad Al-Badr,*Fikih Asma’ ul Husna*,Darus Sunnah,2012
- c. Abu Islam Ahmad bin Ali, **Perjalanan Ke Akhirat**, Pustaka Ibnu ‘Umar,1431H
- d. Zaenal Abidin bin Syamsudin,**Rintangan Setelah Kematian**,Pustaka Imam Abu Hanifah,2011
- e. Syeikh Abdul Qadir al Mandili,**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf**,Al-Hidayah,2012